



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 19 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	HAPUS MONOPOLI KUOTA BENIH PADI, HAKAKAH -N16 FARMERS URGED TO JOIN CONTRACT-FARMING SCHEME, NST -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	KPKB RINTIS TERNAK AYAM KAMPUNG ASLI, HAKAKAH -N14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4. 5.	AGROBANK KOMITED TINGKAT JAMINAN BEKALAN MAKANAN, UM -35 AGROBANK BANTU BIAYAI PEMBANGUNAN SISTEM MAKANAN, UM -23	AGROBANK
6. 7. 8. 9. 10.	KELANTAN SASAR 1,000 USAHAWAN TANI, HAKAKAH -N14 1,000 PESAWAH TERJEJAS AKIBAT SISTEM PENGAIRAN, UM -13 TERENGGANU FOKUS SEKTOR MANFAAT RAKYAT, HAKAKAH -N23 MANFAATKAN TEKNOLOGI DIGITAL TINGKAT SUMBER MAKANAN, BH -12 LEMBU SADO BOLEH CECAH RM100,000, HAKAKAH -N13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

19/10/2020

UTUSAN
MALAYSIA

BISNES

23

Agrobank bantu biayai pembangunan sistem makanan

Kuala Lumpur: Agrobank kekal komited terus membina nyumbang ke arah pembangunan sistem makanan mampan dengan meningkatkan jaminan bekalan makanan menerusi pelbagai program pembiayaannya.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar berkata, walaupun Malaysia tidak berhadapan krisis bekalan makanan pada masa ini, namun pandemik Covid-19 perlu dilihat sebagai 'peringatan awal' membuat persiapan atau tindakan pantas sewajarnya.

"Bagi mencapai tahap mampu diri dari segi bekalan makanan negara, adalah perlu bagi Malaysia tidak terlahu bergantung kepada produk makanan tertentu sahaja.

"Pemantauan secara berterusan terhadap harga makanan juga dapat membantu memastikan jaminan bekalan makanan, terutama pada saat krisis," katanya dalam satu kenyataan bersempena sambutan Hari Makanan Sedunia.

Katanya, sejajar usaha memastikan kelangsungan dan memacu daya maju pengusaha komoditi pertanian dan makanan, kerajaan telah mewujudkan Dana Agromakanan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) dengan peruntukan RM350 juta.

Dana itu disediakan untuk semua pengusaha sektor pertanian dan makanan yang layak termasuk di Sabah dan Sarawak melalui Skim Pembiayaan Kredit Mikro Agrobank.

Program itu disediakan untuk memudahkan pembiayaan RM50,000 untuk setiap pengusaha layak sehingga lima tahun dengan kadar 3-5 peratus dan tidak memerlukan sebarang cagaran.

Selain itu, Agrobank juga menawarkan dana Agrofood Facility (AF) melalui Bank Negara Malaysia (BNM), dengan jumlah peruntukan RM1 bilion untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkatkan pengeluaran makanan bagi pasaran domestik dan eksport.



KHALIDJAH

Agrobank komited tingkat jaminan bekalan makanan

KUALA LUMPUR: Agrobank melahirkan komitmen untuk terus memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan sistem makanan negara sempena Hari Makanan Sedunia, Jumaat lalu.

Dalam masa yang sama, Agrobank terus berdiri teguh bersama komuniti agro globalnya dalam meningkatkan akses kepada makanan yang selamat, berkhasiat serta menjamin bekalan makanan terutamanya pada waktu krisis akan datang.

Pemangku Tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar



berkata, walaupun Malaysia tidak berhadapan dengan sebarang krisis jaminan bekalan makanan buat masa ini, namun beliau percaya dan mahu mempersiapkan diri dengan menjadi 'Proaktif' sebagai 'peringatan awal' untuk bertindak pantas.

"Oleh itu, sebagai bank yang memahami pertanian dengan lebih baik, Agrobank komited untuk terus memberikan penye-

lesaian pembiayaan komprehensif kepada komuniti pertanian.

"Ia juga merangkumi pembiayaan untuk aktiviti hulu seperti pembekalan input pengeluaran pertanian dan aktiviti hiliran seperti memproses serta menjual produk pertanian pengguna," katanya dalam kenyataan.

Buat masa ini, Agrobank mempunyai dua program pembiayaan yang memfokuskan kepada peningkatan jaminan bekalan makanan di samping membangunkan ketahanan terhadap keselamatan makanan jangka panjang di Malaysia.

Melalui Dana Agromakanan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana), sebanyak RM350 juta telah diperuntukkan untuk memastikan kelangsungan dan memacu daya maju pengusaha komoditi pertanian serta makanan.

Dana tersebut sedia digunakan semua pengusaha sektor pertanian dan makanan yang layak melalui Skim Pembiayaan Kredit Mikro Agrobank dengan kemudahan pembiayaan mencecah RM50,000 boleh ditawarkan kepada setiap pengusaha sehinggalah tahun dengan kadar 3.5 peratus tanpa cagaran.

Selain itu, Agrobank juga menawarkan dana Agrofood Facility (AF) melalui Bank Negara Malaysia (BNM) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1 bilion bertujuan membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkatkan pengeluaran makanan untuk pasaran tempatan dan juga eksport ke luar negara.

Program AF membolehkan pemohon mendapatkan pembiayaan sehingga RM150,000 bagi tempoh selama lapan tahun dengan kadar keutungan pembiayaan adalah sehingga 3.75 peratus setahun termasuk faedah jaminan sekiranya ada.

19/10/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

13

1,000 pesawah terjejas akibat sistem pengairan

TELUK INTAN: Hampir 1,000 pesawah di Sungai Manik di sini meminta kerajaan menyelesaikan masalah sistem pengairan yang tidak sempurna sehingga menjejaskan hasil tanaman mereka.

Pesawah mendakwa, masalah itu menyebabkan air yang disalurkan ke sawah tidak mencukupi untuk pertumbuhan padi.

Mereka juga mendakwa, kerja baik pulih sistem saliran sedia ada telah dilakukan namun masih tidak siap selepas empat tahun.

Ketua Peladang Muda Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Manik Labu Kubung, **Affin Mohamed Ali** berkata, berikutan masalah itu, pendapatan pesawah terjejas.

Menurutnya, air tidak dapat disalurkan secukupnya ke petak sawah kerana longkang yang dibina tidak diselenggara dengan baik.

Katanya, kerana tidak cukup



Namun disebabkan masalah ini, hendak dapat 100 kilogram pun susah. Kali ini sudah masuk musim keempat kami menghadapi masalah ini dan sehingga sekarang padi tidak boleh dituai."

AFIFIN MOHAMED ALI

air, petak sawah dinaiki rumput.

"Sebelum ini tiada masalah pengairan yang membolehkan pesawah memperoleh hasil



KEADAAN parit saliran sawah yang tidak diselenggara dengan baik menyebabkan air tidak dapat dibekalkan secukupnya ke petak sawah di Sungai Manik. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

tuaian sehingga enam tan metrik sehektar.

"Namun disebabkan masalah ini, hendak dapat 100 kilogram pun susah. Kali ini sudah masuk musim keempat kami menghadapi masalah ini dan sehingga sekarang padi tidak boleh dituai" katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, pesawah juga meminta kerajaan memberi perhatian kepada beberapa masalah lain yang dihadapi pesawah seperti jalan ladang yang tidak diselenggara dengan baik.

"Selain itu, pam air yang kami mohon masih tidak dapat dibekalkan seperti yang dijanji-

kan sebelum ini," katanya. Pesawah, **Mohd. Khairi Hasan**, 60, berkata, sistem pengairan di kawasan sawah yang teribat tidak dapat membekalkan air secukupnya.

"Sejak tiga tahun lalu, saya mengalami kerugian yang banyak akibat masalah ini," katanya.

KPKB rintis ternak ayam kampung asli

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

MACHANG: Kumpulan Per-tanian Kelantan Berhad (KPKB) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Ve-terinar menyediakan pro-gram penempatan ayam kampung asli.

Penyelia Kanan Agri-bisnes KPKB Nur Adneen Rakman berkata projek tersebut merupakan inisiatif kerajaan negeri bagi mem-bantu penduduk memam-bahkan pendapatan.

Katanya Jabatan Per-khidmatan Veterinar mem-

ban dan kaedah penjagaan-nya.

"KPKB dengan kerjasa-ma Veterinar mengajur-kan dua siri kursus kepada peserta terlibat dengan pro-jek penempatan ayam kam-pung asli," katanya selepas majlis perasmian pen-ter-nakan Ayam Kampung Asli (AKA) al Falah di Kampung Pemanok baru-baru ini.

Perasmian itu di-sempurnakan Pengeru-si Jawatankuasa Perta-nian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hi-jau dan Alam Sekitar, Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan

Ismail.

Turut hadir Adun Te-mangan, Dato' Dr Mohamed Fadzi Hassan; Adun Pu-lau Chondong, Ustaz Azhar Salleh dan Adun Kemu-ning, Ustaz Mohd Roseli Is-mail.

Nur Adneen juga ber-kata, setiap peserta me-nerima peruntukan bernilai RM7,000 yang di-berikan dalam bentuk re-bahan, 30 induk ayam dan peralatan.

Menurutnya setiap petak reban mengandungi enam ekor induk ayam yang ter-diri seekor jantan dan lima



Nur Adneen Rakman

beri penerangan kepada peserta mengenai pemak-anan, sistem kebersihan re-



Reban ternakan ayam kampung asli.

ta mendapat basil pertama kerana induk yang diberi-kan sudah sedia mengelin-arkan basil," katanya.

betina sebagai permulaan projek terbabit. "Pada masa tiga bulan pertama mungkin peser-

19/10/2020

HARAKAH

UTARA

N16

Hapus monopoli kuota benih padi



Marzuki Othman

Oleh NOOR SARA MASHITOH

KANGAR: Kerajaan dicadang menghapuskan pemberian kuota benih padi kepada syarikat pengeluar bagi mengelakkan isu bekalan padi tidak mencukupi berulang.

Pengerusi Persatuan Kilang Beras Skim Pusat Belian Kedah/Perlis Marzuki Othman berkata, subsidi boleh diberi kepada petani melalui Skim Subsidi Harga Padi.

Katanya melalui kaedah itu membolehkan petani membeli sendiri benih padi yang lebih berkualiti daripada mana-mana pengeluar.

iSekarang syarikat pengeluar benih padi menerima subsidi bernilai puluhan juta, namun bekalan benih padi masih tidak mencukupi di pasaran, katanya di sini baru-baru ini.

Difahamkan kerajaan membebankan kuota benih padi bernilai sebanyak 72,000 tan metrik setahun kepada 9 syarikat sejak 2007.

Jumaat lepas Pertubuhan Pesaudaraan Pesawah Malaysia (Pesaawah) menyerah memorandum kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di Putrajaya susulan rikelewatan mendapat



Perjumpaan pengembang-pengembang padi di Perlis.

benih padi di pasaran. Marzuki berkata, kemerosotan hasil padi berpunca daripada kualiti benih padi yang dibekalkan.

"Apabila kerajaan meningkatkan kuota tersebut, ia akan memberi peluang pembekal bersaing menghasilkan benih yang berkualiti dan pesawah mempunyai banyak pilihan," katanya.

Menurutnya juga pertemuan lebih 50 pengembang beras di se-

luruh negara baru-baru ini berusaha mencari jalan bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Pengembang beras Chan Lye Yew berkata, kuota benih padi subsidi yang dibekalkan kepada syarikat terbabit perlu dihapuskan supaya pasaran benih lebih terbuka.

Katanya, sekurang petani tidak ada pilihan lain melainkan terpaksa menerima benih yang tidak berkualiti sehingga memberi

kesan kepada mutu padi. Seorang petani dari Arau, Razali Saad berkata, pertukaran kerajaan baru diharap dapat menyelesaikan segera masalah itu.

Berdasar laporan hasil beras negara mengalami kemerosotan sehingga 300,000 tan metrik setahun. Sedangkan negara mendedukan 3.6 hingga 3.8 juta tan metrik beras setahun bagi menampung keperluan penduduk di Malaysia.

Farmers urged to join contract-farming scheme

JELI: The Agriculture and Food Industry Ministry is encouraging more farmers to participate in contract-farming programmes to increase the production of vegetables and fruits, said Deputy Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi. He said that through the Federal Agricultural Marketing Authority programme, farmers would be able to enjoy assistance under the ministry at the very start of the planting process up to the marketing of their harvest or products at domestic and international markets. "This year, a total of 3,245 farmers have registered as programme participants at various agencies, including the Agriculture Department and the Farmers' Organisation Authority, throughout the country." **Bernamea**

Terengganu fokus sektor manfaat rakyat

Oleh IRVADI ABU BAKAR

MENTJELANG genap tiga tahun pentadbiran kerajaan PAS di Terengganu, masih lagi terdengar cakap-cakap tentang pembangunan yang sedang bertulis pemertanian sekarang. Ramai menyatakan, kerajaan Terengganu lebih banyak sekadar memuai hasil yang dibangunkan kerajaan terdahulu. Ibarat kata, Menteri Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim tanya mendalakan kerajaan terdahulu mendalakan lebih memajukan membina lebih sektor-sektor yang melibatkan rakyat secara langsung.

"Kita perlu melihat pembangunan secara rasmi dari sudut pembangunan bukan bercari kita mesti bina pasar raya, rumah atau kilang semata-mata.

"Tetapi, apa yang boleh diambil manfaat oleh rakyat adalah jika kita membina bagian daripada pembangunan dan bukan sekadar jadi penonton sahaja.

"Jadi bila nak libatkan rakyat, tentu sekali kita mesti lihat di sektor mana mereka sektor itu perlu dibina, " ujarnya di sini.

Bellau turut menjelaskan, keperluan membina sektor pertanian, pen-



Pertanian menjadi salah satu bidang yang dipromosikan kerajaan negeri kepada anak muda.

termakna dan perikanan merupakan antara asas dalam memajukan ekonomi rakyat Terengganu. dipaparkan kepada masyarakat melalui program latihan pertanian di Terengganu. Beliau berkata, "Walaupun tidak ada satu tajuk manifesto secara khusus ke arah pembangunan ini, tetapi kita perantara yang membangunkan Malaya, dan berkesan dalam terlibat dalam sektor pertanian.

"Bermakna jika kita terangkan sektor ekonomi kita yang membangunkan kita sebagai fokus sektor yang tidak melibatkan majoriti rakyat kita, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kita lambat

meningkat. "Macam kita modal yang besar, tetapi mendalakan pelaksanaan ke-pada pembangunan yang tidak rakyat, hasilnya KDNK tidak tinggi." tambahnya.

Dr Azman turut membentangkan penilikan terengganu antara tahun 2018 dan 2020. Walaupun KDNK Terengganu meningkat pada 2018 daripada 2.8 peratus kepada 3.3 peratus, namun ia masih rendah berbanding negeri-negeri lain. Beliau berkata, "Walaupun KDNK Terengganu lebih ke-11 daripada Terengganu, itu perlu dilihat walaupun kecil, mungkin ia diperuntukkan kepada sektor lain yang berkaitan dengan pembangunan rakyat.

Sepanjang dua tahun pemerintahan, kerajaan PAS Terengganu berjaya memajukan sektor pertanian daripada 2.8 peratus pada 2018 kepada 3.3 peratus pada 2020 dengan peningkatan penyumbangan.

Oleh itu, kata anggota Exco terbahari, kerajaan negeri melihat ke hadapan untuk memajukan sektor pertanian dengan lebih aktif. Terengganu turut menyediakan peruntukan khusus untuk mempromosikan pertanian kepada perantaraan perantaraan. Sebanyak RM500,000 di-



Mamas dan jagung antara hasil pertanian yang eksport ke seluruh negara.



Anggota Exco mengangkat semalan anak pawak.



Hasil ternakan terengganu mendapat pasaran sehingga ke negeri lain.

perumakkan tahun ini untuk melabuhkan unjam dan tahun. "Kita melabuh 16 tahun di Bidang Pertanian. Kerajaan Terengganu dengan bajet RM300,000 daripada negeri dan RM500,000 daripada persekutuan.

"jadi dalam program ini, hanya terengganu yang mempunyai program yang secara khusus. Manakala dalam melabuhkan unjam.

"Saya jaga sektor pertanian dan dalam masa satu pertengahan turut dibangunkan hasil sambilan daripada pelabur luar. tidak menjadi pelabur luar, kerana dengan mereka begitu pentadbiran dengan marfaat akan dirasai rakyat.

"Kita hendak rakyat turut sama dalam pembangunan sektor pertanian dalam ekonomi yang boleh dijana," tambahnya.

19/10/2020

HARAKAH

KELANTAN

N13



Lembu sado mendapat permintaan tinggi.

Lembu sado boleh cecah RM100,000

OHEN CHAN MANZE

PASIR MAS: Kelantan antara negeri yang mempelopori pemuliharaan lembu sado. Teknik pemuliharaan berbasid lembu tempatan dan kacukan import selalunya melahirkan lembu sado.

Usaha itu dijenamakan sebagai 'NADABIF'. NADABIF merupakan sistem pengurusan lembu sado yang mendapat akreditasi berdasarkan penggunaan induk Charolais gergasi F₂. Beberapa spesies lembu hybrid popular yang dipelihara, iaitu Limousine, Charolais, Brahmans, Shorthorn, Hereford dan Indu 95.

Lembu jenis Limousine diternak untuk ekoran binaan berwarna merah. Begitu juga spesies Charolais diikat di Charolais pelting popular dan menjadi pilihan utama dalam kalangan penternak lembu hybrid di Kelantan yang mahu diperkembangkan secara terutap (bridled) bagi menghasilkan lembu yang berkualiti, berkaki dan suci.

Usaha itu selaras dengan konsep 'NADABIF' yang telah diadopsi oleh kerajaan negeri ke arah menyokong visi Kelantan Jelapang Melayu Negeri.

Pemuliharaan lembu sado sekarang meluas ke Terengganu dan negeri-negeri di Pantai Barat. Pemuliharaan mempunyai faedak atau otot



Lembu sado milik Zahari Umar.

bu itu perlu dimandikan dengan air yang sejuk. Selain itu, lembu sado juga memerlukan kalsium yang cukup. Untuk itu, penternak perlu mengandungi zat nutrisi. Turut menternak lembu sado di Dun Chetok dan Dun Chetok, Kuala Muda, Kedah. Selain itu, penternak juga menternak lembu sado di Dun Chetok dan Dun Chetok, Kuala Muda, Kedah. Selain itu, penternak juga menternak lembu sado di Dun Chetok dan Dun Chetok, Kuala Muda, Kedah. Selain itu, penternak juga menternak lembu sado di Dun Chetok dan Dun Chetok, Kuala Muda, Kedah.

menternak lembu sado di Kelantan.

19/10/2020

HARAKAH PANTAI TIMUR

N14



Tuan Mohd Saripudin bersama Dr. Mohamed Fadzli melawat penternakan ayam kampung.

Kelantan sasar 1,000 usahawan tani

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

MACHANG: Kelantan berusaha melahirkan seramai 1,000 usahawan tani yang berjaya dalam pelbagai sektor pertanian.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, hasrat itu selaras dengan manifesto PAS pada Pilihan Raya Umum (PRU) lepas.

- Katanya, bagi mencapai hasrat tersebut kerajaan negeri menetapkan beberapa kriteria bagi memilih peserta untuk menyertai program usahawan tani.

"Kitautamakan peserta yang ada sedikit pengalaman di mana kita akan bagi bantuan supaya perniagaannya berkembang," katanya pada perasmian penternakan Ayam Kampung Asli (AKA)

al Falah di Kampung Pemanok di sini Selasa lepas.

Turut hadir Adun Temangan, Dato' Dr Mohamed Fadzli Has-san, Adun Pulau Chondong Ustaz Azhar Salleh dan Adun Kemuning Ustaz Mohd Roseli Ismail.

Seramai 15 peserta dipilih menyertai projek perintis yang dikelolakan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB).

Tuan Mohd Saripudin juga berharap peserta AKA al Falah di kampung tersebut memperkembangkan lagi ayam yang dimerak.

Menurutnya juga kerajaan negeri tidak akan teragak-agak menarik balik bantuan disalurkan kepada usahawan tani yang tidak menunjukkan prestasi membangsangkan.

Kata beliau usahawan tani yang kurang berjaya sebahagian peralatan yang diberi akan diambil semula.